

## PERANG RUSIA – JEPUN 1905

oleh

KHOZIN MOHD. TAMRIN

*Jabatan Sejarah,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Jepun dan Rusia adalah dua buah negeri di antara beberapa negeri yang lain, yang mengikuti segala perkembangan di Cina, terutama pada akhir-akhir abad 19 dan awal-awal abad 20. Kedua-dua buah negara itu juga sama-sama menanam modal<sup>1</sup> di negeri Cina. Pada masa itu Jepun adalah satu-satunya negeri di bahagian Timur yang sudah mulai maju sejak akhir-akhir abad 19. Kemajuannya boleh dikatakan di semua bidang politik, ekonomi dan sosial. Ini semua adalah akibat dari perubahan dalam zaman Meiji, menyebabkan Jepun dapat menandingi dan malahan meninggalkan negeri Cina dari segi kemajuannya. Mengenai Rusia, ia adalah salah sebuah negara barat yang sudah maju dan tanaman modalnya di Cina adalah yang kedua banyaknya selepas Britain. Walau bagaimanapun kalau dibandingkan dengan Jerman dan Perancis ia masih *backward*.

Kemenangan Jepun dalam peperangan dengan Cina pada tahun 1895, menyebabkan Jepun menjadi satu kuasa yang agong di Asia, di mana Cina sebuah negeri yang besar dan suka mencabar itu dapat ditewaskan dalam masa yang singkat. Ini menyebabkan kuasa-kuasa barat begitu iri hati dan bimbang akan langkah-langkah Jepun seterusnya, terutama di Cina. Campur tangan tiga kuasa iaitu Rusia, Jerman dan Perancis di atas soal Liaotung menaikkan kemarahan Jepun. Rusia lah yang menimbulkan rasa cemas di negeri Jepun.<sup>2</sup> Rusia kelihatan sentiasa dibimbangi oleh Jepun; kerana Semenanjung Liaotung<sup>3</sup> dan Port Arthur dapat dikuasainya pada

---

Setakat tahun 1902, jumlah tanaman modal Jepun di negeri Cina hanya £200,000 (\$1 juta). Tanaman modal di negeri-negeri lain adalah seperti berikut: Britain, £52 juta; Rusia, £50 juta; Jerman, £20 juta; Perancis, £18 juta dan Amerika Syarikat £4 juta. Jepun lebih banyak membelanjakan wang untuk melindungi kepentingan tanaman modalnya. D.H. James, *The Rise and Fall of the Japanese Empire*, London, 1951, 136.

<sup>2</sup> Richard Storry, *Sejarah Jepun Modern*, Kuala Lumpur, 1967, 97.

<sup>3</sup> Rusia berkehendakkan Semenanjung Liaotung kerana supaya ia dapat pelabuhan air panas untuk kegunaan angkatan lautnya, ia membina jalan keretapi di Manchuria dengan tujuan hendak menguasai kawasan itu. Harold M. Vinacke, *Sejarah Timur Jauh Dalam Zaman Modern*, Kuala Lumpur, 1967, 230.

tahun 1898, melalui pajakan dengan Cina.

Sebenarnya antara tahun 1895 - 1905, McLaren menyatakan, "*Japan was a nation preparing for an inevitable conflict*" dan dasar-dasar Rusia dan Jepun dalam masa itu di katakan sebagai "... *the preliminaries to the struggle*"<sup>4</sup> Oleh itu kalau dilihat akibat dari Perjanjian Shimonoseki itu konflik antara Rusia dan Jepun adalah disebabkan oleh Rusia. menggunakan alasan-alasan tertentu untuk mendapatkan Port Arthur.

Sementara itu soal Manchuria,<sup>5</sup> adalah soal yang hanya dalam konflik Jepun - Rusia. Soal ini juga melibatkan kebimbangan kuasa-kuasa barat seperti Amerika Syarikat dan British di atas dasar-dasar dan usaha-usaha Rusia di Manchuria. Cita-cita Rusia selain hendak berkuasa di Manchuria, tekadnya juga untuk menjauhkan kuasa-kuasa lain dari Tiongkok.<sup>6</sup> Manchuria dipandang oleh Rusia sebagai pembekal (supplier) dan perhubungan adalah lebih baik kedudukannya di Siberia Timur. Mengikuti rancangan-rancangan Rusia, tujuan untuk menakluki Manchuria ialah untuk memajukan daerah Siberia Timur yang lebih mundur daripada Manchuria. Adanya arang batu, besi, emas dan kayu-kayan akan menjadi asas untuk pekan baru dan perusahaan.<sup>7</sup> Dengan ini Manchuria menjadi satu kawasan di Timur jauh yang penting bagi Rusia daripada segi tentera dan ekonomi dan juga politik.

Selepas tahun 1895, Rusia dengan lain pakatan telah menjalankan ikhtiar hendak memisahkan sebahagian daripada empayar Cina, kepentingannya di Manchuria lebih bertujuan ekonomi hanya se belum Port Arthur dan Dalny diduduki, manakala kepentingannya yang lebih penting ialah disifatkan sebagai berbentuk politik dan muslihat perang.<sup>8</sup> Sementara itu

---

<sup>4</sup> Walter W. McLaren, *A Political History of Japan During The Meiji Era 1867 - 1912*, London, 1965, 290.

<sup>5</sup> "Manchuria mempunyai kawasan yang berjumlah 363,000 batu persegi. Letaknya di antara garisan lintang 39<sup>o</sup>-53<sup>o</sup>30' Utara. Iklimnya sangat sejuk pada musim dingin dan sangat panas pada musim panas. Kebanyakan kawasan itu mengeluarkan hasil. Tanaman utama dalam tahun 1895 di eksport ke Jepun. Kacang itu digunakan minyaknya untuk bumbu makanan dan hampasnya untuk dibuat baja. Selain itu Manchuria mengeluarkan sekoi, kaoling, gandum dan lain-lain. Hingga tahun 1900, Manchuria boleh dikatakan sebagai kepuk bijirin yang besar untuk masa depan. ...Selain hasil pertanian, Manchuria juga mengeluarkan hasil kayu kayan dan hasil galian seperti arang batu, besi dan emas. Dari segi politik, Manchuria adalah di perintah oleh Cina secara langsung .....", Vinacke, *Sejarah Timur Jauh*, 228.

<sup>6</sup> Wright Miller, *Russia*, Kuala Lumpur, 1966, 45.

<sup>7</sup> William H. Chamberlain, *Japan Over Asia*, Boston, 1938, 71.

<sup>8</sup> Vinacke, *Sejarah Timur Jauh*, 229.



pula Jepun memainkan peranan di negeri Cina selama ini di mana ia hanya menaruh minat untuk menahan pencerobohan Rusia .

Kawasan yang menarik perhatian di Manchuria, lepas tahun 1900 telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertama, wilayah Fengtion (Selatan) yang padat sekali dengan penduduknya dan maju di bawah pentadbiran awam Cina, kedua, wilayah Kirin (Utara) yang dikawal oleh tentera Mancu dan kurang penduduk dan ketiga, wilayah Heilungkiang (jauh Utara) yang tidak berkemajuan langsung.

Kepada Rusia ia tidak kira walaupun terjadi pada Manchuria Apa yang dikehendaki ialah untuk menakluk dan menguasai Manchuria, selain dari hasil-hasil Manchuria yang berharga itu. Rusia bertujuan di kawasan ini untuk membina sebatang jalan keretapi melaluinya untuk menghubungkan dengan Vladivostok kerana melalui Manchuria Rusia dapat mengurangkan kos tenaga dan belanja untuk membina, kerana satu jalan yang pendek dapat menggantikan jalan yang dijangka 600 batu jauhnya jika melalui Utara Manchuria di kawasan yang bergunung-ganang itu.

Permintaan Rusia kepada Cina untuk pembinaan jalan 'keretapi Trans-Siberia' itu di Manchuria dan melalui negeri Cina telah dipersetujui oleh Cina. Dalam perjanjian itu termasuk juga satu pakatan tentera rahsia antara Cina dan Rusia, yang diarahkan ke Jepun. Berikutan dengan lawatan Li Hung Chang ke Moscow dalam tahun 1896, Rusia telah meminjamkan Cina sebanyak 400 juta Francs dengan bunga 4% untuk dibayar pada Jepun sebagai wang ganti rugi.<sup>9</sup> Dalam lawatan itu termasuk pembinaan 'Chinese Eastern Railway' dan pakatan militer yang bertujuan melawan Jepun. Pada tahun 1899, kedua jalan keretapi menyeberangi Manchuria dan cawangan ke Port Deven, di bawah kekuasaan tentera Rusia.

Rusia dikatakan menunjukkan tujuannya yang sebenar di Manchuria selepas tahun 1900, di mana dalam masa perang Boxer, Rusia telah mengambil langkah untuk memelihara kepentingannya dengan mengantar pasokan tenteranya ke Manchuria untuk mengawal jalan keretapi. Malahan Rusia didapati telah menguasai Teluk Chihli daripada Taku Bar, jalan-jalan masuk ke Tientsin, ke Chemulpo dan ke Seoul.<sup>10</sup>

Dalam tahun 1901, Rusia telah menambahkan bilangan tenteranya hingga ke angka 150,000 orang. Di sini sudah jelas yang tindakan Rusia benar-benar sudah menakluki Manchuria. Dengan ini mungkin sudah ter-

---

<sup>9</sup> James, *Japanese Empire*, 105 133.

<sup>10</sup> Storry, *Sejarah Jepun Modern*, 105.

capai cita-cita Tzar Rusia untuk menjadikan Manchuria sebagai 'another Bokhara'.<sup>11</sup> Pendeknya, dasar Rusia ialah 'dasar mencero boh yang disengajakan ke atas sebuah negeri.'<sup>12</sup>

Dasar tindakan Rusia di Cina itu menyebabkan kebimbangan di kalangan negara-negara barat, seperti British dan Amerika Syarikat yang membantah di atas pendudukan Russia ke atas Manchuria. Sementara itu Jepun merasakan begitu bimbang sekali, terutama apabila ia mengetahui yang Semenanjung Liaotung digunakan untuk pengkalan angkatan laut Rusia. Ini sudah tentu akan mengancam kepentingan Jepun di Korea, di mana Jepun menganggap Korea sebagai, "a dagger pointing at the heart of Japan".<sup>13</sup>

Sementara itu kebimbangan Jepun di atas soal Manchuria itu menyebabkan ia bersetuju untuk mengikat perjanjian dengan Britain<sup>14</sup> yang juga bimbang akan kawasannya di Utara India. Antaranya dalam perjanjian itu dipersetujui untuk sama-sama membantu jika sebelah pihak diserang oleh musuh. 'Perikatan ini dikatakan merelakan satu peringkat untuk peperangan daripada memberikan Jepun kebebasan untuk melawan Russia yang bersendirian.'<sup>15</sup>

Sementara soal Manchuria masih dalam keadaan hangat, dalam masa yang sama timbul pula soal Korea. Kalangan-kalangan istana Nicholas Rusia telah memutuskan untuk mengambil Korea di samping Manchuria.<sup>16</sup> Berikutan dengan keputusan ini, Nicholas telah melantik Admiral Alexeyer sebagai Viceroy di Timur Jauh dan penyusupan orang-orang Rusia ke Korea bermula.

Sementara itu penasihat-penasihat Tzar Rusia setuju pentingnya di-

---

<sup>11</sup> Herbert H. Gowen, *An Outline History of Japan*, New York, 1928, 346.

<sup>12</sup> Vinacke, *Sejarah Timur Jauh*, 230.

<sup>13</sup> D.N. Sturley, *A Short History of Russia*, London, 1964, 169.

<sup>14</sup> Perjanjian ini adalah berikutan dengan adanya terdapat dua gulungan di Jepun dengan tanggapan masing-masing iaitu pertama, mengenai jalan yang baik untuk melindungi dari kemaraan Rusia ialah dengan mengadakan ikatan dengan Rusia, mendapat persetujuan dengannya mengenai kepentingan masing-masing di Timur Jauh. Kedua, mengadakan ikatan dengan England sebagai langkah yang sangat logik dan yang baik sekali untuk diambil. (Vinacke, *Sejarah Timur Jauh*, 238). Perjanjian dengan Britain bererti bahawa diplomasi Jepun dan British akan berganding bahu di Peking untuk menahan kemaraan Rusia.

<sup>15</sup> Edwin O. Reischauer, *Japan Past and Present* (3rd. ed.), Tokyo, 1966, 138.

<sup>16</sup> Sturley, *History of Russia*, 169.



jaga supaya tidak ada benteng-benteng didirikan oleh Jepun di pantai-pantai Selatan Korea, kerana ini dianggap membahayakan jalan laut Rusia di antara Vladivostok dan Port Arthur. Orang Jepun menganggap sekatan-sekatan seperti ini adalah satu penghinaan dan ini menguatkan keyakinan mereka bahawa mereka mesti mengusir orang-orang Rusia keluar dari Korea dan juga dari Semenanjung Liaotung. Jepun mempunyai kepentingan ekonomi yang luas di Jepun, antaranya Jalan Keretapi Pusan - Seoul.

Sebenarnya Rusia telah mendapat dua hak kebenaran di Korea, iaitu mengeluarkan kayu balak di Sungai Yalu dan melombong di Sungai Tuwan. Pemotong kayu balak dikatakan adalah terdiri dari tentera-tentera Rusia yang berada di Mancuria. Rusia juga mula memasukkan penasihat tentera dan membantu penyusunan tentera Korea mengikut susunan Rusia dan cuba menguasai kewangan Korea.

Masalah Korea dan Mancuria ini kemudian dibincangkan oleh Jepun dan Rusia dalam separuh akhir tahun 1903 di St. Petersburg. Cadangan-cadangan telah dibuat oleh Jepun, antaranya, keduanya mesti menghormati kedaulatan Korea dan Cina. Rusia mesti mengakui kepentingan Jepun di Korea dengan hak memajukan kepentingannya dan memberi nasihat kepada Korea untuk faedah pembaharuan.

Sementara itu Rusia mencadangkan, setuju untuk menghormati kedaulatan Korea, tetapi Cina ia tidak setuju, mengenai kepentingan Jepun di Korea dan hak membantu dalam pembaharuan pentadbiran awam Rusia mengakuinya dan Rusia tidak akan campurtangan dalam hal perdagangan dan perusahaan Jepun di Korea. Keduanya saling tidak membena kubu di pinggir laut Korea yang akan mengancam kebebasan pelayaran di Selat Korea atau untuk muslihat perang. Pengakuan Jepun terhadap Mancuria serta kawasan pinggir lautnya pada serba-serbi diluar bidang kepentingan Jepun.

Rundingan itu adalah menemui jalan buntu dan kalau dilihat Jepun nampaknya agak lebih berlembut terhadap kedudukan Rusia, terutama dengan mengenakan batas-batas atas tindakannya di Korea, sesuai juga dengan Rusia di Mancuria. Jepun bukan sahaja mengakui kepentingan keretapi Rusia di Mancuria, tetapi semua kawasan itu adalah di bidang luar kepentingan Jepun. Apabila Jepun meminta supaya Rusia berundur di kawasan asal, Rusia enggan. Ini menyebabkan Jepun mengambil satu keputusan yang muktamad pada bulan Februari 1904<sup>17</sup> untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Rusia..

---

<sup>17</sup> Vinacke, *Sejarah Timur Jauh*, 226.

Kemaraan Rusia di Manchuria dan Cina itu sebenarnya telah menghalang cita-cita nasional Jepun yang berpolisikan untuk meluaskan empirenya di seluruh Asia. Mengikut rancangannya, Tasik Baikal adalah rancangan daripada 'General Staff'. Yang lain termasuk Korea, Mongolia dan seluruh Siberia Timur.<sup>18</sup> Dalam tahun 1904, di atas kecenderungannya terhadap Manchuria, Jepun menganggap kawasan itu akan jadi sebagai kawasan tanah jajahan di mana penduduknya yang berlebihan dapat ditempatkan.<sup>19</sup> Manchuria memang sesuai dipileh dan dipandang berat, mungkin kerana hasil-hasilnya yang berharga itu. Oleh itu Jepun jelas merasa bahawa Rusia yang menguasai Manchuria dan campurtangan yang bertambah di Korea, adalah merupakan musuh utama yang mesti dikalahkan sebelum Jepun boleh meneruskan rancangannya dalam meluaskan empirenya di Asia.<sup>20</sup> Kebanyakan rakyat Jepun menganggap peperangan dengan Rusia tidak dapat dielakkan.

Dengan putusanya hubungan antara Rusia dan Jepun, bermakna peperangan tidak dapat dielakkan. Pada 6 Februari 1904, tentera Rusia telah mendahului dengan menyeberang Sungai Yalu untuk masuk ke Korea. Sementara itu dalam masa yang satu angkatan laut Jepun yang terdiri dari kapal penjelajah, pembinasa dan pengangkutan Jepun belayar daripada pengkalan angkatan laut Sasebo, menuju ke Cempulpo. Pada petang 8 Februari 1904, mereka mendarat dan menaiki keretapi menuju ke Seoul dan menduduki bandar itu. Di pelabuhan Cempulpo, kapal-kapal penjelajah Jepun telah menenggelamkan 3 buah kapal Rusia, sementara kapal-kapal pembinasa menuju ke Port Arthur dan pada 8 dan 9 Februari, bertemu dengan kapal-kapal Rusia. Dalam pertempuran ini 2 buah kapal perang dan sebuah kapal penjelajah binasa, sementara pihak Jepun tidak mendapat sebarang kerosakan.

Peperangan diisytiharkan pada 10 Februari 1904. Dalam peperangan itu akhbar *The Times* berkata, 'Angkatan laut Jepun telah memulakan perang dengan satu tindakan yang tentu akan mendapat tempat yang dihormati dalam sejarah perang di laut.'<sup>21</sup> Pertempuran yang hebat ialah dalam pertempuran Tsushima pada 27 hingga 29hb. Jun 1905, di mana 23 buah kapal Rusia telah tenggelam dan hanya 4 buah saja sampai di Port Arthur. Jumlah kematian pihak Rusia ialah 4,830 orang dan 7,000 di

---

<sup>18</sup> McLaren, *A Political History*, 289.

<sup>19</sup> Vinacke, *Sejarah Timur Jauh*, 231.

<sup>20</sup> Reischauer, *Japan Past and Present*, 138.

<sup>21</sup> Storry, *Sejarah Jepun Modern*, 109.



tawan, manakala pihak Jepun hanya 116 mati dan 538 cedera.<sup>22</sup>

Jepun dengan cepat telah dapat menawan beberapa kawasan yang dikehendaki, misalnya Port Arthur ditawan pada 1 Januari, 1905 dengan korban 27,000 orang pihak Rusia dan 110,000 cedera. Mukden pula ditawan pada 10 March, 1905 dengan korban 23,000 orang Jepun terbunuh.<sup>23</sup> Dalam pertempuran di satu Bukit (203 metre Hill) selama 8 hari itu mengakibatkan 1,200 orang cedera, iaitu 800 orang pihak Jepun dan 400 orang Rusia. Pada akhir peperangan itu, walau bagaimanapun Jepun berjaya menewaskan Rusia.

Dalam peperangan itu Jepun dikatakan mempunyai sifat-sifat kepahlawanan. Kemenangan Jepun di laut dan darat adalah mengagumkan dan nyata layanan orang Jepun terhadap tawanannya lebih daripada sepatutnya dan berperikemanusiaan. Dua orang kanan Jepun yang mendapat perhatian ialah Jeneral Nogi (tentera darat) dan Jeneral Togo (tentera laut). Orang-orang British dan Amerika memandangi peperangan itu, sebagai ". . . Jepun yang kecil sedang menghadapi beruang Rusia yang agak disukai oleh orang-orang Perancis sahaja."<sup>24</sup>

Dalam perjanjian di Portsmouth pada 5 September 1905, Rusia telah diwakili oleh Baron Rosen dan Mr. Witte dan Jepun diwakili oleh Baron Komura, Mr. Takahira dan Viscount Kaneko. Dalam perjanjian itu antaranya diputuskan, pertama, Rusia mengakui kepentingan jalan keretapi Selatan Manchuria, hak-hak Rusia di Semenanjung Liaotung dan sebahagian Pulau Sakhalin di garisan lintang 50° hendaklah diserahkan pada Jepun. Ketiga, tentera kedua belah pihak hendaklah berundur serentak dari Manchuria dalam masa 18 bulan. Jepun telah menawarkan Rusia untuk menyewa Semenanjung Liaotung dengan jalan keretapi dan lain-lain keistimewaan di Selatan Kwan Cheng-Tze dan Chang Chun. nelayan-nelayan Jepun telah dibenarkan menangkap ikan diperairan Laut Behring, dan Jalan Keretapi Manchuria hendaklah digunakan untuk perdagangan dan perusahaan, bukan untuk muslihat perang.

Akibat daripada peperangan itu 'image' Jepun makin naik dan tinggi. Kemenangan seperti ini adalah suatu yang benar-benar memeranjatkan terutama kepada kuasa-kuasa barat kerana sebuah negara yang kecil

---

<sup>22</sup> Sturley, *History of Russia*, 171.

<sup>23</sup> Gowen, *History of Japan*, 348-349.

<sup>24</sup> Storry, *Sejarah Jepun Modern*, 109.

seperti Jepun dapat menewaskan Rusia, sebuah negeri Eropah yang besar. Dengan kemenangan itu, "*Japan was not now merely an Asiatic but also a world power; whose interest in the affairs of the East were unquestionable and dominant.*"<sup>25</sup> Dalam peperangan itu, Jepun telah membelanjakan wang<sup>26</sup> dengan banyak, hingga dikatakan selepas peperangan itu Jepun benar-benar kehabisan wang dan askar-askarnya<sup>27</sup> kerana ramai yang terbunuh.

Kesimpulannya disini, nyatalah sebab-sebab perang itu adalah bermula dari soal Semenanjung Liaotung, kerana campurtangan kuasa-kuasa barat terutama Rusia, yang dirasakan menekan Jepun atas soal Liaotung, pemajakan Rusia atas kawasan itu dengan kegiatan-kegiatan seterusnya seperti mendirikan jalan keretapi dan membina pengkalan angkatan laut di Port Arthur. Soal Manchuria dan Korea adalah soal yang banyak, hingga tindakan Rusia itu bukan sahaja membimbangkan Jepun, malahan kuasa-kuasa barat yang lain seperti Britain, Jerman dan Amerika Syarikat. Kepada Jepun, Korea adalah kawasan di mana ia banyak mempunyai kepentingannya dan Manchuria adalah salah satu daripada rancangan-rancangan dalam cita-cita Jepun untuk menguasai Asia.

Dari masa selepas perjanjian Shimonoseki hingga peperangan 1904 - 1905, kita diperlihatkan seolah-oleh Jepun bersikap sabar dan lebih banyak bertolak ansur kepada Rusia untuk berdamai. Sebaliknya Rusia dengan jelas bersikap lebih agresive dan memandang Jepun sebagai musuh utamanya di Timur Jauh.

---

<sup>25</sup> Gowen, *History of Japan*, 352.

<sup>26</sup> Antara tahun 1899 - 1905 kerajaan Jepun telah meminjam £20 juta sterling daripada London dan dalam masa perang, Jepun meminjam lagi £80 juta daripada New York dan London. Peperangan itu ditaksirkan membelanjakan sebanyak £200 juta sterling. Lihat James, *Japanese Empire*, 136.

<sup>27</sup> Bila tiba musim panas pada 1905 Jepun hampir-hampir kehabisan wang dan askar-askar yang terlatih. Pemerintah Manchuria menganggarkan sekurang-sekurangnya 1,000 juta yen dan sesuku juta askar lagi dikehendaki kalau perang itu hendak diteruskan. Lihat Storry, *Sejarah Jepun Modern*, 112.



Kemenangan Jepun itu adalah kerana adanya askar-askar yang terlatih. Wang ganti rugi yang dibayar oleh Cina, digunakan untuk belanja pertahanan dan militer. Walaupun kebanyakan tentera Jepun adalah gulgungan petani, tetapi mereka sentiasa menunjukkan "*courageous, obedient and capable of great endurance.*"<sup>28</sup> Mereka telah ditanamkan dengan semangat nasional sejak dibangku sekolah lagi. Dari peperangan itu, Jepun dapat kedudukan di tanah besar dan dapat lebih banyak kawasan dari yang dijangka, dan dengan ini Jepun akan bersedia pula untuk menakluki Korea sepenuhnya pada 1910.

---

---

<sup>28</sup> Chamberlain, *Japan Over Asia*, 73.